

SULIT

Bahasa Melayu
Kertas 2
Oktober
2010
2 Jam



PEJABAT PELAJARAN DAERAH PASIR GUDANG

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010 TINGKATAN 1

BAHASA MELAYU Kertas 2 2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A (i) dan Bahagian A (ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut .Masa yang dicadangkan ialah 40 minit.*
3. *Bahagian B mesti dijawab. Masa yang dicadangkan ialah 25 minit.*
4. *Bahagian C mempunyai 5 pilihan soalan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Masa yang dicadangkan ialah 45 minit.*
5. *Bahagian D juga mesti dijawab. Masa yang dicadangkan ialah 10 minit.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A (i): Ringkasan

[20 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan perpustakaan kepada masyarakat**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi **80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Perpustakaan ialah pusat ilmu sesebuah bangsa, agama dan negara yang bertamadun. Institusi ini telah lama wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu. Kewujudan perpustakaan menimbulkan integrasi minat membaca dalam kalangan masyarakat dan berlakunya proses menginstitusikan budaya membaca dalam sistem pemerintahan negara.

Menyelami perkembangan perpustakaan sebagai institusi kecemerlangan umat, maka kita perlu memperkasa dan mempertingkatkan lagi fungsi perpustakaan dengan sewajarnya di negara kita. Perpustakaan merupakan khazanah dan aset negara yang amat berharga serta perlu diberikan pembelaan sepenuhnya.

Pihak kerajaan dan swasta juga perlu menyediakan kemudahan perpustakaan kepada orang ramai, pelajar, dan pesakit agar mereka boleh mendapatkan akses maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan bidang tertentu, di samping dapat mengisi masa lapang ketika berada di premis berkenaan. Hal ini dapat membantu usaha kerajaan membimbing dan membentuk masyarakat yang sihat dan bermaklumat.

Pusat dan agensi pelancongan, hotel serta pusat rekreasi dan percutian juga perlu menyediakan kemudahan perpustakaan kepada pelanggan mereka. Di samping bercuti, mereka dapat menambah ilmu pengetahuan di mana-mana sahaja mereka berada serta pada bila-bila masa sahaja. Pejabat-pejabat kerajaan, syarikat korporat hendaklah menjadi contoh dan model penting dalam usaha menjadikan perpustakaan sebagai prasarana utama dalam proses pentadbiran dan pengurusan mereka. Dengan adanya perpustakaan, kemudahan menyimpan pelbagai koleksi maklumat dan penyediaan perkhidmatan dapat dilakukan seperti buku, majalah, jurnal dan sebagainya.

Gudang maklumat ini juga dapat menghimpunkan sumber bercetak, tidak bercetak, dan elektronik untuk kegunaan syarikat dan rujukan orang ramai yang berminat, terutamanya para pelajar dan penyelidik. Masjid dan surau juga wajar menyediakan kemudahan perpustakaan untuk kemudahan ahli jemaah dan kariah setempat. Perpustakaan *mencerminkan keadaan* tahap sosioekonomi, sosial dan budaya, serta taraf pendidikan negara dan masyarakat di Malaysia secara langsung. Masyarakat dan negara yang bertamadun dan memiliki budaya menghargai ilmu pengetahuan perlu menterjemahkannya kepada pembangunan perpustakaan. Oleh itu, kita mestilah mewujudkan perpustakaan peribadi di rumah atau di bilik pejabat masing-masing.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Dewan Siswa, September 2009)

Bahagian A (ii): Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A(i) , jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *mencerminkan keadaan*.

[2 markah]

2. Nyatakan agensi yang wajar mewujudkan perpustakaan.

[4 markah]


3. Pada pendapat anda, apakah punca remaja kini tidak berminat ke perpustakaan?

[4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Carta di bawah menunjukkan cara-cara untuk menjadi pelajar cemerlang. Huraikan pendapat anda tentang **cara-cara menjadi pelajar cemerlang**. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Bahagian C

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum, terutamanya unit beruniform semakin berkurangan. Berikan pendapat anda tentang kepentingan menyertai pasukan unit beruniform.
2. Anda mengetahui sahabat lama anda telah mendapat tawaran belajar di sekolah berasrama penuh. Anda ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan tersebut. Tulis sepucuk surat kepada rakan anda itu selengkapnya.
3. Anda dan rakan anda berbual-bual mengenai pentingnya pelajaran dan belajar secara berkumpulan. Tuliskan dialog anda bersama dengan kawan anda selengkapnya.
4. Anda telah menyertai pertandingan syarahan yang bertajuk ‘ Langkah-langkah untuk mewujudkan keluarga bahagia’. Tuliskan syarahan anda selengkapnya.
5. Peribahasa “**bagai aur dengan tebing**” sering menjadi ikutan masyarakat kini. Tulis sebuah cerita berkaitan peribahasa tersebut.

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan 1 seperti yang berikut;

- (i) **Istana Menanti** karya Abd Latip Talib

Nyatakan watak utama dalam novel dan huraikan **tiga** perwatakan watak utama tersebut tersebut berdasarkan novel yang telah anda kaji.

KERTAS SOALAN TAMAT

PANDUAN PEMARKAHAN

Markah penuh Kertas 2 : 100 Markah

Bahagian A (i) : 20 Markah

Bahagian A (ii) : 10 Markah

Bahagian B : 20 Markah

Bahagian C : 40 Markah

Bahagian D : 10 Markah

Bahagian A (i) : 20 Markah

1. Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- a) Bahasa dinilai secara "impression".
- b) Pemeriksa dikehendaki menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
- c) Kemudian, peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

Markah Bahasa (10 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	09-10	Bahasa baik dan lancar Menggunakan ayat sendiri Ejaan dan tanda baca betul
Baik	06-08	Bahasa baik dan lancar Masih berupaya menggunakan ayat sendiri

SULIT

		Kesalahan ejaan dan tanda baca minimum
Memuaskan	03-05	Bahasa kurang lancar Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca <i>Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih</i>
Penguasaan Minimum	01-02	Penguasaan bahasa yang lemah <i>Menyalin secara terus daripada petikan</i>

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	Markah
5	9 – 10
4	7 – 8
3	5 – 6
2	3 – 4
1	1 – 2

CARA PENANDAAN RINGKASAN:

- Tanda (/) apabila terjumpa isi dan catat markah 1 atau 2
- Baca setakat 80 patah perkataan sahaja atau hingga ayat berakhir
- Buat satu garisan panjang selepas 80 patah perkataan atau hingga ayat berakhir
- Jawapan dalam bentuk perenggan – periksa seperti biasa
- Jawapan dalam bentuk catatan (poin) – isi = markah penuh , bahasa = maksimum 8 markah
- Isi disalin secara terpilih tanpa pindaan – isi = seperti biasa, bahasa = maksimum 5 markah
- Isi di salin terpilih dan dibuat dalam bentuk catatan (poin) – isi = seperti biasa , bahasa = maksimum 4 markah
- Jawapan disalin terus dari petikan , markah isi ditolak 50%, bahasa = 2 markah

SULIT

- Penandaan seperti karangan, tetapi tiada penolakan markah untuk kesalahan ejaan

CARA PENULISAN MARKAH:

Penulisan Markah Ringkasan (20 markah):

Isi - **10**

Bahasa - **10**

20

20

====

BAHAGIAN A (i)

Isi ringkasan

- Kewujudan perpustakaan menimbulkan integrasi minat membaca dalam kalangan masyarakat.
- Berlakunya proses menginstitusikan budaya membaca dalam sistem pemerintahan negara.
- Sebagai institusi kecemerlangan umat
- Merupakan khazanah dan aset negara yang amat berharga.
- Boleh mendapatkan akses maklumat dan ilmu pengatahan berkaitan bidang yang tertentu
- Dapat mengisi masa lapang ketika berada di premis berkenaan
- Membantu usaha kerajaan membimbang dan membentuk masyarakat yang sihat dan bermaklumat
- Menambah ilmu pengetahuan di mana-mana sahaja mereka berada serta pada bila-bila masa sahaja.
- Kemudahan menyimpan pelbagai koleksi maklumat dan penyediaan perkhidmatan dapat dilakukan
- Dapat menghimpunkan sumber bercetak, tidak bercetak, dan elektronik untuk kegunaan syarikat dan rujukan orang ramai.

Bahagian A (ii) : Soalan Pemahaman

SULIT

Soalan 1 : Maksud kata / rangkai kata (2 markah)

MARKAH	DESKRIPSI
2 markah	- Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja - Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	- Maksud tidak tetap mengikut konteks

Soalan 2 : Soalan Pemahaman (4 markah)

MARKAH	DESKRIPSI
4 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup serta lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis - Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 : Soalan Pemahaman Kemahiran berfikir

MARKAH	DESKRIPSI
4 markah	- Isi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	- Isi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

SULIT

BAHAGIAN A (ii)

1. bermaksud.
mencerminkan – menggambarkan/memperlihatkan/menunjukkan
keadaan – kedudukan
contoh :menggambarkan kedudukan.. (2 markah)

2. pihak kerajaan dan swasta.
..... pusat dan agensi peranginan
..... hotel, pusat rekreasi dan percutian
..... pejabat-pejabat kerajaan, syarikat korporat
..... lapangan terbang sera masjid dan surau (4 markah)

3. mendapat maklumat daripada internet
..... mengambil masa yang lama
..... kedudukan perpustakaan yang jauh dan tidak sesuai kedudukannya

SULIT

..... masa operasi perpustakaan juga terhad

..... mana-mana yang relevan.

(4 markah)

BAHAGIAN B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

(20 markah)

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	16-20 (18-20) (16-17)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat gramatis- Penggunaan kosa kata luasa dan tepat- Ejaan dan tanda baca yang betul- Idea yang relevan berdasarkan tugasan- Huraian idea luaran spt. Pendapat, ulasan, cadangan, kesimpulan – sesuai dan berkembang- Pengolahan menarik dan berkesan
Baik	11-15 (13-15) (11-12)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat masih gramatis- Penggunaan kosa kata yang tepat- Terdapat kesalahan minimum dalam penggunaan kata, frasa dan ayat- Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum- Idea masih relevan berdasarkan tugasan- Huraian idea luaran kurang dikembangkan- Pengolahan menarik
Memuaskan	06-10 (08-10) (06-07)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata dan ayat kurang gramatis- Penggunaan kosa kata terhad- Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan kata, frasa dan ayat- Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara- Idea kurang relevan berdasarkan tugasan- Huraian idea luaran terhad- Pengolahan tidak menarik
Penguasaan Minimum	01-05	<ul style="list-style-type: none">- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap- Idea kabur/ tidak berkaitan dengan tugasan

SULIT

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali untuk mendapatkan impression. Perkara yang perlu diperhatikan ialah **menjawab tugasan, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan**. Kemudian nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berdasarkan kriteria penskoran.
2. Baca karangan sekali lagi untuk pertimbangan muktamad. Sambil membaca, tandakan kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti yang berikut:

_____ kesalahan bahasa, perkataan dan frasa

/ kesalahan ejaan

// kesalahan ejaan berulang

O kesalahan tanda baca

() kesalahan isi / fakta

*Tiada penolakan markah ejaan (penandaan kesalahan sebagai panduan peringkat markah)

CARA PENULISAN MARKAH:

Penulisan markah Karangan B (Respon Terhad - 20 markah)

Cemerlang

19

BAHAGIAN B

SULIT

Pendahuluan

- Definisi pelajar cemerlang
 - Cemerlang dalam akademik dan kurikulum serta sahsiah diri

Isi-isipenting

- sentiasa mendisiplinkan diri dalam setiap aspek
 - menumpukan perhatian ketika di dalam kelas
 - mengamalkan sikap-sikap positif (bantu membantu, jaga kebersihan dan kekemasan diri, amanah, dll)
 - belajar sistematik dan dengan membuat jadual belajar

Penutup

- Pelajar mestilah bersemangat kental untuk cemerlang
 - Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

BAHAGIAN C : Karangan Respons Terbuka

(40 markah)

CIRI KARANGAN	PERINGKAT MARKAH
<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan penanda wacana yang betul Ejaan dan tanda baca yang betul Penggunaan kosa kata luas dan tepat Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerengganan yang sesuai dan format menepati kehendak tugasan Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik 	<p>CEMERLANG (33 – 40)</p> <p>(37 – 40)</p>

SULIT

	(33 -36)
<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca yang betul Penggunaan kosa kata luas Idea yang relevan dengan huraiyan yang jelas berserta dengan contoh Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerengganan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik 	KEPUJIAN (25 – 32) (25 – 28)
<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang betul Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum Idea masih relevan dengan huraiyan yang masih jelas Pengolahan masih menarik dengan pemerengganan dan format yang masih sesuai mengikut tugas 	BAIK (17 – 24) (21 – 24) (17 – 20)
<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraiyan tidak jelas Pengolahan kurang menarik, dengan pemerengganan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat/format bercampur aduk 	MEMUASKAN (09 – 16) (13 – 16) (09 – 12)
<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhananya membayangkan penguasaan bahasa yang tidak cekap 	PENGUASAAN

SULIT

	MINIMUM (01 – 08)
	(05 – 08)
	(01- 04)

Langkah-langkah memeriksa :

Teknik penandaan karangan respon terbuka sama seperti menanda karangan respons terhad.

Perbezaan hanya pada : - kriteria penskoran

- penolakan markah kesalahan ejaan

* Potong $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap kesalahan ejaan.

* Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan berulang.

* Maksimum pemotongan ialah **2 markah**

1. Guru hendaklah membaca karangan pelajar terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (*impression*) daripadanya. Kemudian menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat **A, B, C, D atau E**. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah bahasa, isi dan penyampaian.
Isi : Dikehendaki minimum tiga (3) isi.
2. Tetapkan peringkat karangan itu ke dalam satu daripada peringkat di bawah:

CARA PENULISAN MARKAH:

Penulisan Markah Karangan C (Respon Terbuka – 40 markah) :

Keseluruhan - 40

Ejaan - 2

BAHAGIAN C

Soalan 1

Pendahuluan

- kegiatan yang harus disertai oleh pelajar
- contoh kegiatan (persatuan, kelab, badan beruniform)
- penyertaan pelajar dalam badan beruniform masih di tahap yang kurang memuaskan

Isi-isipenting

- mendisiplinkan diri seseorang pelajar-mempunyai garis panduan yang harus dipatuhi oleh pelajar-menepati masa semasa latihan dan mematuhi peraturan dalam unit dan masyarakat kelak.
- Peluang untuk mengasah bakat-sebagai pemimpin unit beruniform- membentuk peribadi dan bersikap seperti pemimpin-dapat dimanfaatkan di alam pekerjaan
- Memupuk semangat berpasukan dan bekerjasama-hidup bersatu walaupun berlainan agama dan bangsa-1 Malaysia dapat diterapkan dikalangan pelajar
- Mendedahkan pelajar mengenai ilmu pengetahuan yang tiada dalam buku teks-membuka mata pelajar akan profesion yang boleh diceburi kelak-contoh(KRS, Polis,bomba ,askar dan PBSM)

Penutup

- penting bagi pelajar telibat dalam aktiviti beruniform
- pihak kementerian perlu mewajibkan setiap pelajar menceburi diri dalam aktiviti ini
- melahirkan belia yang berwawasan dan patriotisme serta 1 Malaysia.

Soalan 2

Format : Surat Kiriman tidak rasmi

Pendahuluan

SULIT

- mendoakan semoga sahabat anda berada dalam keadaan sihat

Isi-isi penting

- mendapat khbar sahabat dapat melanjutkan pelajaran
- mengucapkan tahniah kerana impian tercapai
- berharap agar belajar bersungguh-sungguh di tempat baru
- belajar berkumpulan selalu
- berharap dapat menyesuaikan diri dengan keadaan baru dan belajar berkumpulan
- dapat kawan yang baru dan bersabar selalu dalam menempuh ujian dan cabaran

Penutup

- semoga sahabat dapat menceritakan pengalaman baharunya di sekolah tersebut.

Soalan 3

Pendahuluan

- disapa oleh kawan yang baru pulang dari bermain bola sepak

Isi- isi penting

- kawan berhasrat untuk menjadi pemain bola terkenal
- nasihatkan kwan supaya tidak mengabaikan pelajaran
- kawan menyatakan minatnya untuk belajar secara berkumpulan
- dapat menyelesaikan masalah dengan cepat
- jimatkan masa belajar

Penutup

- Berjanji akan ke rumah kawan untuk belajar bersama-sama

Soalan 4

Pendahuluan

- kata alu-aluan kepada hadirin mengikut kedudukan
- ucapan selamat.
- menyatakan tajuk syaraan.

SULIT

Isi –isi cadangan

- memerlukan kerjasama daripada setiap ahli keluarga untuk membentuk keluarga yang bahagia – peranan ibu bapa dalam membentuk peribadi anak-anak.
- masa untuk dihabiskan bersama ahli keluarga sangat terhad – memberi kesan terhadap keluarga.
- peranan anak-anak – berdikari untuk meringankan beban ibu bapa – mengambil sikap saling membantu.
- peranan pihak kerajaan – menjalankan kempen kesedaran akan kepentingan keluarga yang bahagia.

Penutup

- seruan agar menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga dengan sebaik yang mungkin.
- ucapan terima kasih.

Soalan 5

Pendahuluan

- maksud peribahasa “bagai aur dengan tebing”-saling menolong dan bekerjasama

Isi-isi penting

- amalan penduduk kampong- kenduri-pembahagian kerja- membasuh pinggan mangkuk – memasak-menghidang
- menjaga keselamatan kampong- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)- berkawal pada waktu malam-Rukun Tetangga- dapat mengurangkan masalah jenayah.
- Bekerjasama ketika berlaku musibah-bantu menyelesaikan masalah jiran dan penduduk kampong –menziarahi jiran yang sakit atau ditimpa kesusahan.

SULIT**Bahagian D : Pemahaman Novel****[10 markah]****Pembahagian Markah**

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Kriteria Markah Bahasa

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	<ul style="list-style-type: none">- Bahasa baik dan lancar- Ayat gramatis- Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	02 – 03	<ul style="list-style-type: none">- Bahasa masih baik dan masih lancar- Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- Kesalahan ejaan dan tanda
Memuaskan	01	<ul style="list-style-type: none">- Bahasa masih baik dan masih lancar- Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara- Catatan ringkas

Nota :

Jika pelajar tidak **mengemukakan jawapan tentang klimaks**, berikan markah peringkat memuaskan – 1 markah (disyaki menghafal untuk mendapat markah bahasa 4 markah)

SULIT

CARA PENULISAN MARKAH :

Penulisan Markah Pemahaman Novel (10 markah)

Isi - 6

Bahasa - 4

10

10

====

Cadangan jawapan

Klimaks atau puncak cerita

Istana Menanti

Watak sampingan - Tuk Ngah

Perwatakan

- kuat ingatan- usia menjangkau 80 tahun mampu bercerita tentang sejarah Istana Menanti, kemasukan Jepun, dan sejarah Rembau
- bertanggungjawab- membantu pihak polis mencari Fadhil, Ramasamy dan Ah Seng yang tersesat dalam Istana Menanti
- Lanjut usia- menjangkau 80 tahun, letih untuk masuk ke dalam Istana Menanti
- Lain-lain perwatakan yang sesuai..

Nota :

Isi + huraihan = 1+2 (3 markah)

SULIT

Isi sahaja = 1 markah

Huraian tanpa isi = 0 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT